



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI
MINISTRY OF INVESTMENT, TRADE AND INDUSTRY
Aras 28, Menara Pelaburan, Perdagangan dan Industri,
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50480 Kuala Lumpur
MALAYSIA

Tel : 603 6200 0070
Faks : 603 6211 0536
Laman Web : www.miti.gov.my
E-mel : isham@miti.gov.my

MITI.700-12/1/1 Jld.16 (62)

19 April 2023

YBhg. Dato' Abdul Latif Hj Abu Seman
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

J. Bly Dato'

**PELANTIKAN PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) SEBAGAI
KETUA JAWATANKUASA PENILAI ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI
(AKI) 2024**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti pihak YBhg. Dato' sedia maklum, Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) anjuran MITI adalah bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada pemain industri yang telah mempamerkan kecemerlangan dalam penerapan teknologi terkini dalam operasi, pelaksanaan pelan strategi perniagaan berkesan dan mengamalkan tadbir urus yang terbaik.

3. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Penilai AKI 2024 akan ditubuhkan dengan dianggotai oleh para penilai yang dilantik dari kalangan pegawai-pegawai MITI bagi menyelaraskan proses penilaian AKI 2024. Sehubungan itu, MPC adalah dilantik untuk mengetuai Jawatankuasa Penilai AKI 2024. Tugas dan tanggungjawab Ketua Jawatankuasa Penilai AKI 2024 adalah seperti di **Lampiran I**.

4. Saya yakin pihak YBhg. Dato' dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh dedikasi. Segala perhatian dan kerjasama pihak Ybhg. Dato' dalam menjayakan AKI 2024 adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

[Signature]

(DATUK SERI ISHAM ISHAK)

Thp Dr. Muzina
Please take charge on this assignment and to keep it updated on progress.
regularly.
3/5

*utk rujukan
dan makluman
Pn. Waila.*



- Dr. Muzina

**TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PANEL PENILAI
ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI (AKI) 2024**

1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) dianjurkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) setiap dua (2) tahun bagi mengiktiraf syarikat yang cemerlang dalam amalan pengurusan, kualiti produk dan perkhidmatan serta sentiasa memberikan nilai tambah kepada pemegang taruh. Penganjuran AKI juga mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam menghargai peranan sektorswasta dalam agenda pembangunan negara.
- 1.2. *Malaysia Business Excellence Framework* (MBEF) akan digunakan sebagai kaedah penilaian utama AKI 2024. Kaedah-kaedah dan kriteria-kriteria penilaian lain akan diwujudkan dan disesuaikan berdasarkan kategori-kategori yang dipertandingkan bagi penganjuran setiap kitaran AKI.
- 1.3. Penilaian AKI diselaraskan oleh Sekretariat AKI dan diterajui oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang dilantik.

2. OBJEKTIF

- 2.1. Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Kecemerlangan Industri (AKI) ditubuhkan bertujuan untuk membantu Sekretariat AKI melaksanakan penilaian ke atas syarikat-syarikat yang bertanding.

3. BIDANG TUGAS

- 3.1. Bidang tugas Jawatankuasa Panel Penilai AKI 2024 adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Mengemaskini kaedah-kaedah penilaian dengan:
 - i. Menambahbaik kriteria MBEF supaya lebih bersesuaian dengan semua kategori yang dipertandingkan;
 - ii. Menyelaras kaedah-kaedah penilaian lain yang digunakan sekiranya terdapat kriteria penilaian selain MBEF yang lebih tepat dan sesuai bagi menjelaskan konsep kecemerlangan bagi semua aktiviti dan keperluan organisasi masa depan; dan

- iii. Menambahbaik skema pemarkahan mengikut kesesuaian kriteria dan kategori-kategori yang dipertandingkan.
- 3.1.2. Mencadangkan dan menyenaraikan penilai-penilai yang berkeelayakan dan bersesuaian untuk dilantik sebagai penilai AKI; dan
 - 3.1.3. Melaksanakan keseluruhan proses penilaian ke atas syarikat-syarikat yang bertanding bagi AKI berdasarkan kategori-kategori yang dipertandingkan termasuk:
 - i. Semakan ke atas permohonan dan dokumen penyertaan;
 - ii. *Pitching session*;
 - iii. *On-site Assessment*; dan
 - iv. Cadangan pemenang kepada Ahli Majlis AKI.
 - 3.1.4. Membuat bayaran tuntutan perjalanan, elaun/honorarium dan lain-lain bayaran yang dibenarkan kepada para penilai.

4. KEANGGOTAAN

- 4.1. Jawatankuasa Panel Penilai AKI akan diketuai dan diselaraskan oleh seorang *Chief Assessor* serta dibantu oleh *Lead Assessor* bersama penilai-penilai yang dilantik.
- 4.2. Setiap Kumpulan Penilai perlu mempunyai bilangan penilai sekurang-kurangnya seperti berikut:
 - 4.2.1. Seorang *Lead Assessor*;
 - 4.2.2. 2 orang penilai MBEF; dan
 - 4.2.3. 1 orang penilai bagi setiap sub-kategori/kriteria penilaian lain selain MBEF.
- 4.3. Selain melaksanakan tugas-tugas Jawatankuasa Panel Penilai AKI, panel yang dilantik juga akan menjalankan tugas-tugas seperti berikut:

4.3.1. Chief Assessor

- i. Menjadi Ketua Jawatankuasa Panel Penilai AKI;
- ii. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Penilai AKI;
- iii. Menyelaras proses penilaian di peringkat Jawatankuasa Panel Penilai AKI;
- iv. Melantik *Lead Assessor* bagi setiap Kumpulan Penilai;
- v. Menyemak dan mengesahkan laporan yang disediakan oleh *Lead Assessors*;
- vi. Memperakukan cadangan pemenang AKI yang dikemukakan oleh *Lead Assessor*; dan
- vii. Membentangkan Laporan Penilaian AKI kepada Ahli Majlis AKI.

4.3.2. Lead Assessor

- i. Mengetuai Kumpulan Penilai untuk melaksanakan penilaian AKI;
- ii. Menyediakan laporan penilaian kumpulan untuk pengesahan *Chief Assessor*; dan
- iii. Mencadangkan pemenang untuk diperakukan oleh *Chief Assessor* dan dibentangkan untuk keputusan Ahli Majlis AKI.

4.3.3. Penilai

- i. Melaksanakan proses penilaian AKI berdasarkan kepada model MBEF yang telah dikemaskini dan dipersetujui; dan
- ii. Melaporkan hasil penilaian kepada *Lead Assessor*.

5. LATIHAN

5.1. Sekretariat Jawatankuasa Penilai AKI adalah bertanggungjawab untuk menyediakan latihan seperti bengkel/kursus kepada penilai-penilai AKI bagi tujuan berikut:

5.1.1. Bengkel/kursus MBEF bagi meningkatkan kefahaman penilai mengenai MBEF; dan

5.1.2. Bengkel/kursus report writing bagi tujuan meningkatkan mutu penulisan laporan akhir MBEF untuk diedarkan kepada syarikat bertanding.

5.2. Kos bagi latihan ini akan ditanggung oleh Sekretariat AKI.

6. KAEDAH PENILAIAN

6.1. Penilaian bagi AKI dijalankan melalui tiga peringkat iaitu:

6.1.1. Semakan ke atas Permohonan dan Dokumen Penyertaan

- i. Dokumen permohonan AKI yang dikemukakan oleh syarikat akan disemak oleh penilai bagi menentukan sama ada syarikat adalah layak untuk ke *pitching session*;
- ii. Tiada skema pemarkahan; dan
- iii. Semakan bagi menentukan maklumat adalah tepat.

6.1.2. Pitching Session

- i. Penilaian ke atas pembentangan oleh syarikat-syarikat yang bertanding;
- ii. Skema pemarkahan adalah berdasarkan kepada rangka kerja MBEF dan kaedah/kriteria lain bersesuaian; dan
- iii. Tarikh bagi *pitching session* perlu dipersetujui secara bersama dengan Sekretariat AKI bagi tujuan penyelarasan logistik.

6.1.3. On-site Assessment

- i. Penilaian dilaksanakan di premis syarikat yang bertanding;
- ii. Skema pemarkahan adalah berdasarkan kepada rangka kerja MBEF dan kaedah/kriteria lain bersesuaian; dan
- iii. Pemarkahan akhir bagi tujuan pemilihan pemenang

7. TEMPOH PENILAIAN

- 7.1. Tempoh penilaian bermula selepas Sekretariat Jawatankuasa Penilai AKI selepas semua syarikat diaudit oleh Juruaudit Luar yang dilantik oleh MITI.
- 7.2. Penilaian hendaklah disempurnakan dalam tempoh 16 minggu dari tarikh senarai pendek syarikat yang layak bertanding diterima oleh Ketua Sekretariat Jawatankuasa Penilai melalui sistem *online* AKI.
- 7.3. Jadual kerja adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Tempoh	Penyerahan Dokumen/Tindakan
1.	Tapisan Dokumen Penyertaan	2 minggu	Laporan bilangan syarikat yang layak untuk ke <i>pitching session</i> kepada Sekretariat AKI untuk tujuan persediaan logistik
2.	Persediaan Logistik bagi <i>pitching session</i>	1 minggu	Sekretariat AKI
3.	<i>Pitching Session</i>	2 minggu	Laporan <i>pitching session</i> kepada Sekretariat AKI secara <i>online</i> untuk dibentangkan kepada Ahli Majlis AKI
4.	<i>On-site Assessment</i>	6 minggu	Laporan <i>On-site Assessment</i> dan cadangan pemenang untuk dibentangkan kepada Ahli Majlis AKI
5.	Penyelarasan Laporan On-site Assessment dan Cadangan Senarai Pemenang	1 minggu	
6	Laporan Akhir MBEF dan Keseluruhan Penilaian AKI	4 minggu	Laporan Akhir MBEF dan Keseluruhan Penilaian AKI

8. LAPORAN PENILAIAN

- 8.1. Jawatankuasa Penilai AKI adalah bertanggungjawab untuk menyediakan laporan lengkap AKI seperti berikut:
 - 8.1.1. Laporan tapisan dokumen permohonan;
 - 8.1.2. Laporan *pitching session*;
 - 8.1.3. Laporan akhir berdasarkan *on-site assessment*; dan
 - 8.1.4. Laporan keseluruhan penilaian AKI untuk dibentangkan semasa Mesyuarat *post-mortem* AKI.
- 8.2. Laporan perlu dikemukakan bagi setiap peringkat penilaian kepada Sekretariat AKI melalui sistem *online* AKI.

9. PEMILIKAN LAPORAN DAN DOKUMEN BERKAITAN

- 9.1. Semua laporan dan bahan-bahan yang disediakan semasa penilaian dijalankan akan menjadi hak milik Sekretariat AKI sepenuhnya.